

## بَابُ وَقْتِ الظُّهْرِ عِنْدَ الزَّوَالِ وَقَالَ جَابِرٌ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي بِالْمَاجِرَةِ

secara berjama'ah di masjid dan juga orang-orang yang hendak bersembahyang secara bersendirian di rumah dan lain-lain tempat, di negeri-negeri yang sangat panas atau di negeri-negeri yang tidak terlalu panas.

<sup>924</sup> Tujuan Imam Bukhari mengemukakan kata-kata Ibnu 'Abbaas di sini ialah kerana adanya kesesuaian di antara perkataan yang ditafsirkan oleh beliau iaitu يَتَقَيُّوْنَ dengan perkataan فِيَّ yang tersebut di dalam hadits di atas. Perkataan يَتَقَيُّوْنَ yang ditafsirkan oleh Ibnu 'Abbaas dengan يتميل itu sebenarnya tersebut di dalam firman Allah di bawa ini:

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى مَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ يَتَقَيُّوْا ظِلَّهُ. عَنِ الْيَمِينِ وَالشَّمَائِلِ سُجَّدًا لِلَّهِ وَهُمْ دَاخِرُونَ ﴿١٤﴾

Bermaksud: Tidakkah mereka melihat dan memikirkan segala yang telah diciptakan oleh Allah, yang beredar (berpindah-randah) bayang-bayangnya ke kanan dan ke kiri (pada pagi dan petang) dalam keadaan sujud kepada Allah, sedang mereka merendahkan diri? (an-Nahl:48). Sudah menjadi kebiasaan Bukhari di dalam kitab Sahihnya, apabila tersebut di dalam sesuatu hadits satu perkataan ganjil yang juga terdapat di dalam al-Qur'an, beliau akan mengisyratkan kepada perkataan di dalam al-Qur'an itu. Sama ada ia betul-betul sama dengan perkataan yang terdapat di dalam hadits atau kedua-duanya berpunca daripada perkataan yang sama. Tujuan beliau ialah mengingatkan para pembaca kitabnya kepada sumber rujukan utama umat Islam dalam segala perkara. Antara pengajaran, pedoman dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keelokan melewatkan sembahyang Zohor ketika panas keterlaluan, sehingga kepanasan berkurang sedikit dan cuaca sudah agak sejuk. (2) Perintah Rasulullah s.a.w. supaya bersembahyang pada ketika sudah agak sejuk itu berlaku untuk kedua-dua keadaan, bermukim dan bermusafir. Dengan syarat sebabnya ada, iaitu keadaan panas yang keterlaluan. (3) Dalam keadaan bermukim, Nabi s.a.w. sering juga melewatkan sembahyang hingga ke akhir waktu Zohor. Dalam keadaan bermusafir pula, Baginda s.a.w. sering juga melewatkan sembahyang Zohor sehingga masuk waktu 'Ashar. Kedua-dua sembahyang Zohor dan 'Ashar dikerjakan Baginda sebagai jama' ta'khir. (4) Hikmat bersembahyang Zohor lewat dalam keadaan itu ialah menenangkan orang yang hendak bersembahyang. Supaya ia dapat bersembahyang dengan penuh khusyu' dan bersungguh-sungguh tanpa sebarang keresahan. (5) Menurut kebanyakan 'ulama', hukum ini khusus dengan negeri-negeri yang panas cuacanya. Ia tidak berlaku di negeri-negeri sejuk. Oleh itu tidaklah ada kelebihan melewatkan sembahyang Zohor di negeri-negeri sejuk. (6) Zahir hadits ini dan juga apa yang mafhum daripada hikmat tersirat di sebaliknya menunjukkan perintah Baginda s.a.w. itu umum untuk setiap orang yang hendak bersembahyang, sama ada secara berjama'ah di masjid atau bersendirian di mana-mana sekalipun. (7) Keelokan bersembahyang dalam keadaan tidak ada sebarang gangguan, tekanan atau apa-apa yang boleh menghilangkan khusyu'. Khusyu' dalam sembahyang itulah roh sembahyang. Ia merupakan sesuatu yang paling dituntut dan dikehendaki daripada sembahyang seseorang. Kerana itulah Rasulullah s.a.w. ada bersabda: لَا صَلَاةَ بِخَضِرَةِ الطَّعَامِ وَلَا وَهُوَ يَدَافِعُهُ الْأَخْبَثَانِ Bermaksud: Tiada sembahyang dalam keadaan makanan sudah tersedia. Tiada juga sembahyang dalam keadaan seseorang itu terdesak oleh perasaan hendak buang air. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Abu Daud, Abu Ya'la, Ibnu Hibbaan, Baihaqi dan lain-lain). (8) Di dalam hadits-hadits sering juga perkataan azan digunakan dengan erti iqamat. (9) Neraka Jahannam sudah dicipta oleh Allah dan telah wujud sekarang. Kepanasan dan kesejukan bumi adalah berpunca daripadanya. (10) Boleh dikatakan fenomena alam yang saban hari disaksi dan dialami manusia itu merupakan peringatan dan ancaman daripada Allah kepada manusia tentang kehidupan mereka sesudah mati dan tentang kaitan alam dunia dengan alam semesta di sekelilingnya.

Q3- Bab Waktu Zohor Bermula Sebaik Sahaja Tergelincir Matahari.<sup>925</sup> Jabir (bin `Abdillah) Berkata: Nabi S.A.W. Selalu Bersembahyang (Zohor) Pada Waktu Panas Terik Di Tengah Hari.<sup>926</sup>

<sup>925</sup> Sebenarnya di bawah Kitab Mawaaqit as-Shalah, inilah bab pertama yang benar-benar membicarakan tentang waktu-waktu sembahyang. Imam Bukhari memulakannya dengan waktu Zohor. Begitulah pada umumnya para 'ulama' apabila membicarakan tentang waktu-waktu sembahyang, mereka memulakannya dengan waktu Zohor, bukan Subuh. Sebabnya ialah pada keesokan hari selepas berlalunya malam mi'raj kepada Rasulullah s.a.w., Jibril datang ke bumi untuk mengajarkan kepada Baginda tatacara sembahyang dan waktu-waktunya. Sembahyang yang mula-mula sekali diajarkan oleh Jibril a.s. secara praktikal pada hari itu ialah sembahyang Zohor. Itulah sebabnya sembahyang Zohor disebut para 'ulama' sebagai sembahyang yang pertama (الصلاة الأولى). Selain itu, hikmat juga menghendaki apa-apa yang dialami dan disaksikan Rasulullah s.a.w. pada malam mi'raj dan apa-apa yang diwajibkan ke atas umat berupa sembahyang dan lain-lain, disampaikan Baginda s.a.w. kepada para sahabat secara ijmal (dalam bentuk rumusan) terlebih dahulu. Kemudian barulah tiba masa menyampaikan semua yang tersebut itu secara tafshil (terperinci) pula melalui Jibril yang datang pada waktu tengah harinya. Para 'ulama', sama ada dari kalangan imam-imam empat mazhab atau Ahli az-Zahir, boleh dikatakan bersepakat semuanya tentang permulaan waktu Zohor. Sebaik sahaja matahari tergelincir, itulah waktunya bagi mereka. Ya, memang benar ada segelintir 'ulama' salaf berpendapat, waktu Zohor belum lagi masuk dengan semata-mata tergelincirnya matahari. Malah bagi mereka, selepas tergelincir matahari perlulah berlalu sedikit lagi waktu iaitu apabila bayang sesuatu yang menegak menjadi kira-kira selebar tali kasut. Pada ketika itu barulah masuk waktu Zohor. Dalil mereka dalam masalah ini ialah sebuah hadits Rasulullah s.a.w. Lihatlah hadits itu dengan terjemahannya di bawah ini, khususnya bahagian yang bergaris di bawahnya: حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا عَنْ سَفْيَانَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ فُلَانٍ عَنْ أَبِي رُبَيْعَةَ عَنْ حَكِيمِ بْنِ حَكِيمٍ عَنْ نَافِعِ بْنِ جُبَيْرٍ بْنِ مُطْعَمٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْنِيْ جَبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ عِنْدَ الْبَيْتِ مَرَّتَيْنِ فَصَلَّى بِي الظُّهْرَ حِينَ زَالَتْ الشَّمْسُ وَكَانَتْ قَدْرَ الشَّرَاكِ وَصَلَّى بِي الْعَصْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّهُ مِثْلَهُ وَصَلَّى بِي يَغْنِي الْمَغْرِبَ حِينَ أَفْطَرَ الصَّائِمَ وَصَلَّى بِي الْعِشَاءَ حِينَ غَابَ الشَّفَقُ وَصَلَّى بِي الْفَجْرَ حِينَ حَرَّمَ الطَّعَامَ وَالشَّرَابَ عَلَى الصَّائِمِ فَلَمَّا كَانَ الْغَدُ صَلَّيْتُ بِي الظُّهْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّهُ مِثْلَهُ وَصَلَّى بِي الْعَصْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّهُ مِثْلَهُ وَصَلَّى بِي الْمَغْرِبَ حِينَ أَفْطَرَ الصَّائِمَ وَصَلَّى بِي الْعِشَاءَ إِلَى ثُلُثِ اللَّيْلِ وَصَلَّى بِي الْفَجْرَ فَاسْفَرْتُ ثُمَّ التَفْتُ إِلَى فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ هَذَا وَقْتُ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِكَ وَالْوَقْتُ مَا بَيْنَ هَذَيْنِ الْوَقْتَيْنِ Bermaksud: "Ibnu `Abbaas meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jibril a.s. telah mengimamiku dekat Baitillah dua kali. Beliau bersembahyang Zohor denganku apabila matahari tergelincir dan bayang (sesuatu yang menegak) telah melebar seperti tali kasut. Beliau (Jibril a.s.) bersembahyang `Ashar denganku ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Kemudian bersembahyang denganku -maksud Baginda s.a.w. Maghrib- ketika orang yang berpuasa berbuka. Kemudian bersembahyang `Isyaa' ketika lenyap syafaq. Kemudian bersembahyang Subuh denganku ketika orang yang hendak berpuasa mulai haram makan dan minum. Pada keesokan harinya beliau (Jibril a.s.) bersembahyang Zohor denganku ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Beliau bersembahyang `Ashar denganku ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Kemudian bersembahyang Maghrib denganku ketika orang yang berpuasa mulai berbuka. Kemudian bersembahyang `Isyaa' denganku ketika telah berlalu sepertiga malam. Kemudian bersembahyang Subuh denganku pada waktu cerah tanah. Kemudian Jibril berpaling kepadaku lalu berkata: "Wahai Muhammad, inilah waktu (sembahyang) para nabi sebelumnya. Waktu sembahyang (yang lima itu) adalah di antara dua waktu (semalam dan hari) ini." (Hadits riwayat Abu Daud, Ibnu al-Jaarud, Baihaqi, Ahmad dan Ibnu Abi Syaibah. Teks hadits dengan isnad yang diberikan di atas adalah berdasarkan riwayat Abu Daud). Tujuan Imam Bukhari mengadakan Bab Waktu Zohor dengan qaid عند الزوال ialah untuk menolak pendapat golongan ini dan dalil yang dipegang mereka itu. Qaid عند الزوال itu

juga mengisyaratkan bahawa Bukhari dalam masalah ini sependapat dengan jumhur 'ulama'. Alasan jumhur 'ulama' yang tidak menerima pakai hadits riwayat Abu Daud dan lain-lain yang bertaraf hasan itu seperti yang dipakai golongan tadi ialah sebenarnya hadits tersebut menceritakan waktu Zohor bagi negeri-negeri seperti Mekah di mana Jibril bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w. Ia tidak betul-betul terletak pada khatulistiwa'. Di kawasan-kawasan seperti itu, pada waktu betul-betul tengah hari sekalipun sesuatu yang menegak ada sedikit bayangnya. Memanglah benar bayang itu bukan menandakan matahari telah tergelincir. Maka perlu ada pula sedikit lagi bayang kadar selebar tali kasut. Ia sebenarnya tidak bercanggah sama sekali dengan kenyataan yang diterima jumhur 'ulama' bahawa waktu Zohor bermula sebaik sahaja matahari tergelincir. Ada juga diriwayatkan bahawa segelintir salaf yang lain pula berpendapat, waktu Zohor masuk sebelum matahari tergelincir lagi. Alasan mereka ialah adanya sesetengah hadits yang menunjukkan keharusan bersembahyang Juma'at sebelum matahari tergelincir. Tajuk yang diadakan Bukhari ini sesungguhnya bertujuan menolak kedua-dua pendapat salaf itu. Demikianlah perbincangan tentang permulaan waktu Zohor. Berhubung dengan waktu akhir Zohor pula, para 'ulama' memang berbeza pendapat tentangnya. Imam Abu Hanifah berdasarkan riwayat yang masyhur daripada beliau berpendapat, waktu Zohor berpanjangan sehingga bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Sementara dua orang murid utama beliau, Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan asy-Syaibaani pula berpendapat, waktunya berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Inilah juga pendapat Bukhari, Malik, Syafi'e, Ahmad dan jumhur 'ulama'. Sesetengah 'ulama' dalam mazhab Malik berpendapat, di antara akhir waktu Zohor dan permulaan waktu 'Ashar terdapat waktu musytarak (waktu yang dikongsi bersama oleh Zohor dan 'Ashar). Lamanya adalah sekadar empat raka'at sembahyang. Dalam waktu ini seseorang dapat mengerjakan kedua-dua sembahyang Zohor dan 'Ashar. Alasan mereka ialah jika diperhatikan hadits-hadits yang memuatkan kisah Jibril bersembahyang bersama Nabi s.a.w., anda akan dapati pada hari pertamanya Jibril bersembahyang 'Ashar dengan Baginda s.a.w. pada ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Pada hari kedua pula mereka bersembahyang Zohor juga pada ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Jadi apabila mereka bersembahyang 'Ashar pada hari pertama dan bersembahyang Zohor pada hari kedua pada masa yang sama, maka itu bererti adanya apa yang dinamakan waktu musytarak (waktu yang dikongsi bersama oleh Zohor dan 'Ashar). Imam Daud az-Zahiri, Syafi'e Abu Tsaur, dan sekumpulan 'ulama' dalam mazhab syafi'e pula berpendapat, waktu akhir Zohor ialah apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Di antara akhir waktu Zohor itu dan permulaan waktu 'Ashar terdapat فاصلة (satu waktu senggang). Orang yang bersembahyang pada waktu ini tidak dikira bersembahyang pada waktu yang terpilih. Dan orang yang bersembahyang padanya tanpa sebarang ke'uzuran adalah berdosa, walaupun sembahyangnya dikira sah. Waktu senggang ini berakhir apabila bayang sesuatu itu menjadi panjang sedikit sahaja daripadanya. Sesetengah kitab fiqh menggunakan istilah waktu muhmal (waktu hampa) untuk waktu senggang ini. Imam Bukhari dan jumhur 'ulama' berpendapat, waktu Zohor berpanjangan hingga rapat ke waktu 'Ashar. Bagi mereka tidak ada apa yang dinamakan dengan waktu musytarak atau waktu senggang itu. Inilah yang ditegaskan oleh Bukhari dalam tajuk bab berikut nanti. Ringkasnya para 'ulama' berbeza pendapat tentang tiga perkara berhubung dengan akhir waktu Zohor. (1) Sama ada ia berakhir ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya atau ketika bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. (2) Tentang ada atau tiadanya waktu musytarak. (waktu yang dikongsi bersama oleh Zohor dan 'Ashar). (3) Tentang ada atau tiadanya waktu senggang atau فاصلة di antara waktu Zohor dan 'Ashar.

<sup>926</sup> Ta'liq ini adalah sebahagian daripada hadits Jaabir yang dikemukakan oleh Bukhari secara maushul di bawah Bab Waktu Maghrib nanti. Lihat hadits no: 527.

٥٠٧ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ حِينَ رَأَعَتْ الشَّمْسُ فَصَلَّى الظُّهْرَ فَقَامَ عَلَى الْمِنْبَرِ فَذَكَرَ السَّاعَةَ فَذَكَرَ أَنَّ فِيهَا أُمُورًا عَظِيمًا ثُمَّ قَالَ مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُسْأَلَ عَنْ شَيْءٍ فَلْيَسْأَلْ فَلَا تَسْأَلُونِي عَنْ شَيْءٍ إِلَّا أَخْبَرْتُكُمْ مَا دُمْتُ فِي مَقَامِي هَذَا فَأَكْثَرَ النَّاسُ فِي الْبُكَاءِ وَأَكْثَرَ أَنْ يَقُولَ سَلُونِي فَقَامَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ حُدَافَةَ السَّهْمِيُّ فَقَالَ مَنْ أَبِي قَالَ أَبُوكَ حُدَافَةُ ثُمَّ أَكْثَرَ أَنْ يَقُولَ سَلُونِي فَبَرَكَ عُمَرُ عَلَى رُكْبَتَيْهِ فَقَالَ رَضِينَا بِاللَّهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا فَسَكَتَ ثُمَّ قَالَ عَرِضَتْ عَلَيَّ الْجَنَّةُ وَالنَّارُ أَنْفًا فِي غُرُضٍ هَذَا الْحَائِطِ فَلَمْ أَرْ كَأَكْثَرِ وَالشَّرِّ

507- Abul Yamaan (al-Hakam bin Naafi') meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib (bin Abi Hamzah) meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri, katanya: Anas bin Malik meriwayatkan kepada saya bahawa Rasulullah s.a.w. keluar (dari rumah Baginda s.a.w.) sebaik sahaja matahari tergelincir, lalu bersembahyang Zohor.<sup>927</sup> Kemudian Baginda berdiri di atas mimbar dan menceritakan tentang kiamat.<sup>928</sup> Baginda menyebutkan bahawa pada hari kiamat itu akan berlaku banyak perkara besar. Kemudian Rasulullah s.a.w. bertanya: "Sesiapa yang hendak bertanya tentang sesuatu, tanyalah! Segala pertanyaanmu itu akan kujawab selagi aku berada di tempatku ini. Maka menangislah orang ramai."<sup>929</sup> Sementara Rasulullah s.a.w. pula terus berkata: Tanyalah aku. Lantas 'Abdullah bin Huzafah as-Sahmi berdiri, lalu bertanya: "Siapa ayahku?" Baginda menjawab: "Ayahmu adalah Huzafah."<sup>930</sup> Baginda terus berkata lagi: Tanyalah aku! Pada ketika itu melututlah<sup>931</sup> 'Umar seraya berkata: "Sesungguhnya kami redha

<sup>927</sup> Di awal waktunya. Tidak ada satu pun riwayat yang menunjukkan Rasulullah s.a.w. pernah bersembahyang Zohor sebelum tergelincir matahari. Ini adalah suatu perkara yang telah diijma'kan oleh para 'ulama', setelah ada segelintir 'ulama' salaf berpendapat waktu Zohor masuk sebelum matahari tergelincir.

<sup>928</sup> Sebab wurud hadits ini menurut al-Muhallab ialah Rasulullah s.a.w. telah mendapat tahu bahawa ada orang-orang munafiq menda'wa akan mengemukakan soalan-soalan yang kononnya tidak akan mampu dijawab Baginda s.a.w.

<sup>929</sup> Mereka menangis kerana takut akan ditimpa azab seperti umat-umat yang lalu, apabila mereka dimurkai Allah menolak ajaran yang dikemukakan oleh para nabi masing-masing. Antara perkara yang boleh mengundang azab Allah pada fikiran para sahabat yang hadir dalam peristiwa ini ialah perbuatan orang-orang munafiq yang telah menimbulkan kemarahan Baginda s.a.w. Mungkin juga mereka menangis setelah mendengar cerita Nabi s.a.w. tentang hari kiamat yang sangat dahsyat dan penuh dengan huru-hara.

<sup>930</sup> Sebabnya 'Abdullah bin Huzafah bertanya begitu ialah kerana banyak pihak terutamanya golongan munafiqin mempertikaikan Huzafah sebagai bapanya yang sebenar.

<sup>931</sup> Beginilah ma'na asal perkataan بَرَكَ. Menurut Syeikh Zakariya, bagaimanapun kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari memakainya dengan ma'na duduk seperti duduk iftirasy di dalam sembahyang. Alasan mereka ialah duduk dengan cara ini menampakkan lebih beradab. Adapun duduk dengan cara melutut, itu menampakkan kurang sopan di hadapan Rasulullah s.a.w. Oleh

Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama dan Muhammad sebagai Nabi kami.” Barulah nabi s.a.w. diam.<sup>932</sup> Kemudian Baginda berkata: Baru sekejap syurga dan neraka diperlihatkan kepadaku di dinding ini. Tidak pernah aku melihat seperti kebaikan (yang ada di dalam syurga) dan keburukan (yang ada di dalam neraka itu).<sup>933</sup>

---

kerana hadits ini tentunya bermaksud menyatakan saiyyidina `Umar telah duduk dalam keadaan lebih sopan daripada sebelumnya, maka eloklah kalau ia difahami sebagai duduk iftirasy seperti di dalam sembahyang. Soalnya kenapakah saiyyidina `Umar tidak dari awal-awal lagi duduk di hadapan Nabi s.a.w. dalam bentuk itu sekiranya ia lebih menampakkan beradab? Jawabnya ialah memang benar duduk iftirasy itu lebih menampakkan kesopanan, tetapi ia bukanlah suatu cara duduk yang dimestikan. Duduk dengan cara-cara yang lain juga diharuskan. Kerana itulah Saiyyidina `Umar tidak duduk iftirasy sebelum Rasulullah s.a.w. kelihatan marah. Apabila beliau mengesan kemarahan Baginda s.a.w., teruslah beliau duduk iftirasy seraya mengucapkan ucapan yang tersebut di atas. Kata Ibnu Batthaal, sebabnya Saiyyidina `Umar mengucapkan demikian ialah kerana pada fikiran beliau pertanyaan-pertanyaan seperti yang dikemukakan kepada Rasulullah s.a.w. dalam majlis pada hari itu, kadang-kadang didorong oleh kedegilan dan perasaan ragu. Seseekali ia kelihatan seperti mencari kelemahan Rasulullah s.a.w. Keadaan seperti itu pada fikiran Saiyyidina `Umar boleh menyebabkan mereka ditimpa `azab Allah. Kesimpulan daripada ucapan Saiyyidina `Umar itu ialah kita sekalian umat Islam sepatutnya tidak perlu lagi mengemukakan soalan-soalan yang bukan-bukan kepada Rasulullah s.a.w. setelah adanya al-Qur`an dan as-Sunnah yang dikurniakan kepada Baginda s.a.w. itu pada kita.

<sup>932</sup> Berdasarkan riwayat Abu Hurairah yang dikemukakan oleh Imam at-Thahaawi di dalam Musykilu al-Aatsaarnya, di tempat perkataan فَسَكَنَ غَضَبَهُ ini tersebut فَسَكَنَ (barulah reda kemarahan Baginda s.a.w.) setelah mendengar ucapan `Umar itu.

<sup>933</sup> Al-Qasthallaani menyebutkan satu lagi maksud sabda Rasulullah s.a.w. ini, iaitu; Aku tidak nampak sesuatu seperti keta`atan dan ma`shiat dalam menyebabkan seseorang masuk ke syurga atau ke neraka. **Antara pengajaran, panduan dan pedoman** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Selalunya Nabi s.a.w. bersembahyang Zohor di awal waktunya iaitu sebaik sahaja matahari tergelincir. (2) Apabila hendak menyatakan sesuatu perkara penting, Rasulullah s.a.w. biasanya naik ke atas mimbar dan berucap di atasnya. (3) Antara perkara yang terpenting dalam ajaran Islam ialah kepercayaan tentang hari kiamat. Ia adalah sesuatu yang pasti akan berlaku. Pada hari itu banyaklah perkara-perkara besar, ganjil dan hebat serta dahsyat akan berlaku. (4) Ada ketikanya Allah mengkasyafkan (mendedahkan) perkara ghaib kepada Rasulullah s.a.w. Pada ketika itu apa saja yang ditanya akan dapat dijawab oleh Baginda dengan tepat. (5) Pertanyaan dengan maksud mendedahkan kelemahan orang yang ditanya dan didorong oleh sifat degil dan perasaan ragu adalah tercela dan sangat-sangat tidak disukai Rasulullah s.a.w. Pertanyaan-pertanyaan atas dorongan-dorongan seperti itu pernah menimbulkan kemarahan Baginda s.a.w. (6) Para sahabat secara umumnya adalah orang-orang yang sensitif dan mudah tersentuh jiwanya, terutamanya apabila mereka mendengar peringatan-peringatan daripada Rasulullah s.a.w. Kerana itu selalulah kita dapati di celah-celah hadits, mereka menangis tersedu-sedu di dalam majlis tazkirah Rasulullah s.a.w. (7) Sahabat yang bijaksana seperti Saiyyidina `Umar r.a. sentiasa mendahului sahabat-sahabat yang lain dalam mengesan kegembiraan atau kemarahan Rasulullah s.a.w. Kemarahan orang yang penyantun kadangkala tidak dapat dikesan, kerana pada zahirnya ia tidak kelihatan. Lihatlah bagaimana Rasulullah s.a.w. berkali-kali berkata, ‘Tanyalah aku’. Orang yang naif menyangka, Nabi s.a.w. memang suka ditanya seterusnya, tanpa terfikir kenapa Baginda berkata begitu. Orang yang naif sebenarnya tidak dapat membaca air muka orang yang

٥٠٨- حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ عُمَرَ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ حَدَّثَنَا أَبُو الْمِنْهَالِ عَنْ أَبِي بَرزَةَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي الصُّبْحَ وَأَحَدُنَا يَعْرِفُ جَلِيسَهُ وَيَقْرَأُ فِيهَا مَا بَيْنَ السُّتَيْنِ إِلَى الْمَاءِ وَيُصَلِّي الظُّهْرَ إِذَا زَالَتْ الشَّمْسُ وَالْعَصْرُ وَأَحَدُنَا يَذْهَبُ إِلَى أَقْصَى الْمَدِينَةِ رَجَعَ وَالشَّمْسُ حَيَّةٌ وَنَسِيتُ مَا قَالَ فِي الْمَغْرِبِ وَلَا يُبَالِي بِتَأْخِيرِ الْعِشَاءِ إِلَى ثُلُثِ اللَّيْلِ ثُمَّ قَالَ إِلَى شَطْرِ اللَّيْلِ وَقَالَ مُعَاذٌ قَالَ شُعْبَةُ لَقِيتُهُ مَرَّةً فَقَالَ أَوْ ثُلُثِ اللَّيْلِ

508- Hafsh bin 'Umar (bin al-Haarits al-Haudhi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu al-Minhal (Saiyyaar bin Salaamah al-Bashri) meriwayatkan kepada kami daripada Abi Barzah (al-Aslami. Nama sebenarnya ialah Nadhlah bin 'Ubaid r.a. m.64H.) bahawa: "Nabi s.a.w. (selesai) bersembahyang Subuh ketika seseorang daripada kami kenal orang yang duduk di sebelahnya. Baginda membaca di dalam sembahyang itu antara enam puluh hingga seratus (ayat). Beliau bersembahyang Zohor apabila matahari telah tergelincir<sup>934</sup> dan bersembahyang 'Ashar ketika seseorang daripada kami yang pulang ke (kawasan) penghujung Madinah (setelah selesai bersembahyang bersama rasulullah s.a.w. di masjid baginda) mendapati matahari masih belum berubah (masih panas dan cerah).<sup>935</sup> Aku lupa apa yang beliau (Abi Barzah

bercakap dan tidak dapat juga membezakan nada suaranya. (8) Kelebihan beradab dengan guru dan duduk dengan sopan dan cara yang terbaik di hadapannya, terutamanya ketika hendak menyatakan sesuatu pendapat dan pandangan. (9) Keelokan mengambil sesuatu langkah apabila mendapati seseorang sedang dalam kemarahan. Langkah yang diambil itu seharus yang dapat meredakan kemarahannya itu. (10) Syurga dan neraka telah dicipta oleh Allah s.w.t. dan telah pun wujud sebelum manusia itu sendiri diciptakan. Kedua-duanya pernah ditunjukkan kepada Rasulullah s.a.w. semasa Baginda s.a.w. masih hidup bersama-sama para sahabatnya. (11) Syurga dan neraka telah ditunjuk dan ditayangkan kepada Rasulullah s.a.w. pada tembok (dinding) di mana Baginda s.a.w. berada bersama-sama para sahabatnya. Gambaran yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas kiranya lebih mudah difahami oleh orang-orang yang hidup di zaman moden ini. Bukankah mereka dapat melihat sesuatu yang berada ribuan batu jauhnya dari tempat mereka pada layar perak, skrin televisyen, monitor komputer dan sebagainya? (12) Kebaikan, kelebihan dan keistimewaan yang terdapat di dalam syurga itu tiada bandingan dan tandingannya. Demikian juga dengan keburukan, keterukan dan kedahsyatan yang terdapat di dalam neraka, tiada juga bandingan dan tandingannya.

<sup>934</sup> Di sinilah letaknya dalil bagi tajuk bab yang dibuat Bukhari di atas. Waktu Zohor bermula sebaik sahaja matahari telah tergelincir. Di permulaan waktu Zohor itulah Nabi s.a.w. mengerjakan sembahyang Zohor secara berjama'ah dengan para sahabat, sebaik selesai mengerjakan sunat qabliyyahnya.

<sup>935</sup> Keterangan Abu Barzah r.a. ini juga menunjukkan Nabi s.a.w. pada kebiasaannya bersembahyang 'Ashar secara berjama'ah di masjidnya bersama para sahabat di awal waktunya. Kalau tidak bagaimana orang yang pulang ke (kawasan) penghujung (pinggir) Madinah setelah selesai bersembahyang 'Ashar bersama Baginda s.a.w. itu masih mendapati matahari belum berubah (masih panas dan cerah)?! Secara tidak langsung keterangan itu menyokong pendapat golongan 'ulama' yang mengatakan waktu 'Ashar bermula apabila bayang sesuatu menjadi sama

r.a.) katakan tentang sembahyang Maghrib. Nabi s.a.w. tidak kisah melewati sembahyang Isyaa' sehingga ke satu pertiga (awal) malam." Kemudian beliau (Abu al-Minhal) berkata: "sehingga separuh malam".<sup>936</sup> Mu'aaz (bin Mu'aaz bin Nashr bin Hassaan al-'Anbari m.196H) berkata, kata Syu'bah: "Aku bertemu dengannya (Abu al-Minhal) pada ketika yang lain pula. Dia (Abu al-Minhal) berkata: "atau sehingga ke satu pertiga malam".<sup>937</sup>

panjang dengannya, selain bayang yang sedia ada ketika matahari berada di puncak ketinggiannya.

<sup>936</sup> Menurut riwayat Ibnu 'Asaakir, di sini tersebut: قال محمد أي البخاري وقال معاذ الخ (kata Muhammad ya'ni Imam Bukhari, Mu'aaz berkata ...). Kata al-Kirmaani, riwayat Bukhari ini tentunya berupa ta'liq. Kerana Bukhari tidak sempat bertemu dengan Mu'aaz. Al-'Aini membantah kata-kata Kirmaani itu. Kata beliau, ia musnad di dalam Sahih Muslim. Lihat teksnya ini: حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَعَادٍ حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ سَيَّارِ بْنِ سَلَمَةَ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا بَرزَةَ يَقُولُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَبَالِي بَعْضَ تَأْخِيرِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ حَدَّثَنَا أَبُو بَرزَةَ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا بَرزَةَ يَقُولُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَبَالِي بَعْضَ تَأْخِيرِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ بِمَعْنَى: إِلَى نِصْفِ اللَّيْلِ وَكَانَ لَا يُجِبُ النَّوْمَ قَبْلَهَا وَلَا الْحَدِيثَ بَعْدَهَا قَالَ شُعْبَةُ ثُمَّ لَقِيْتُهُ مَرَّةً أُخْرَى فَقَالَ أَوْ ثَلَاثَ اللَّيْلِ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. tidak kisah melewati sedikit sembahyang 'Isyaa' hingga ke separuh malam. Baginda s.a.w. tidak suka (para sahabatnya) tidur sebelum bersembahyang 'Isyaa' dan berbual-bual selepasnya. Kata Syu'bah: "Kemudian aku bertemu dengannya (Abu al-Minhal Saiyyaar bin Salaamah) pada ketika yang lain pula. Dia berkata: "atau sehingga ke satu pertiga malam".

<sup>937</sup> Maksud Syu'bah ialah menyatakan ketidakpastian gurunya Abu al-Minhaal. Sama ada Abu Barzah telah berkata إِلَى ثَلَاثِ اللَّيْلِ atau إِلَى شَطْرِ اللَّيْلِ. Tetapi berdasarkan riwayat Muslim melalui saluran riwayat Hammaad bin Salamah daripada Abi al-Minhaal, tersebut إِلَى ثَلَاثِ اللَّيْلِ tanpa sebarang keraguan. Lihatlah riwayat itu bersama isnadnya di bawah ini: وَحَدَّثَنَا أَبُو كَرَيْبٍ حَدَّثَنَا سُوَيْدُ بْنُ غَمْرٍو الْكَلْبِيُّ عَنْ حَمَّادِ بْنِ سَلَمَةَ عَنْ سَيَّارِ بْنِ سَلَمَةَ أَبِي الْمُنْهَالِ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا بَرزَةَ الْأَسْلَمِيَّ يَقُولُ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُؤَخِّرُ الْعِشَاءَ إِلَى ثَلَاثِ اللَّيْلِ وَيَكْرَهُ النَّوْمَ قَبْلَهَا وَالْحَدِيثَ بَعْدَهَا وَكَانَ يَقْرَأُ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ مِنَ الْمِائَةِ إِلَى السِّتِّينَ وَكَانَ يَنْصَرِفُ حِينَ يُغْرَفُ بِمَعْنَى: بِمَعْنَى: إِلَى ثَلَاثِ اللَّيْلِ وَكَانَ لَا يُجِبُ النَّوْمَ قَبْلَهَا وَلَا الْحَدِيثَ بَعْدَهَا قَالَ شُعْبَةُ ثُمَّ لَقِيْتُهُ مَرَّةً أُخْرَى فَقَالَ أَوْ ثَلَاثَ اللَّيْلِ Bermaksud: Kata Abu Barzah: "Rasulullah s.a.w. selalu melewati sembahyang 'Isyaa' hingga ke satu pertiga awal malam. Baginda s.a.w. tidak suka (para sahabatnya) tidur sebelum bersembahyang 'Isyaa' dan berbual-bual selepasnya. Di dalam sembahyang Subuh Rasulullah s.a.w. selalu membaca itu antara seratus hingga enam puluh (ayat). Baginda s.a.w. selesai bersembahyang Subuh ketika sebahagian daripada kami mengecam muka sebahagian yang lain." **Antara pengajaran, panduan dan pedomannya** yang dapat diambil daripada hadits 508 di atas ialah: (1) Nabi s.a.w. sentiasa bersembahyang Subuh secara berjama'ah di masjidnya. (2) Di dalam sembahyang Subuh Baginda selalu membaca al-Qur'an selepas al-Faatihah, sekitar enam puluh hingga seratus ayat. (3) Ketika selesai bersembahyang Subuh, ahli jama'ah sudah mengenali orang yang berada di sebelahnya. (4) Waktu Zohor mulai masuk sebaik sahaja matahari tergelincir, selain bayang yang sedia ada ketika matahari berada di puncak ketinggiannya. (5) Waktu 'Ashar mulai masuk apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, selain bayang yang sedia ada ketika matahari berada di puncak ketinggiannya. (6) Nabi s.a.w. juga selalu bersembahyang Zohor dan 'Ashar di awal waktu kedua-duanya. Zohor sebaik sahaja matahari tergelincir, setelah selesai bersembahyang sunatnya. 'Ashar apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, juga setelah selesai bersembahyang sunat qabliyyahnya. (7) Salah satu bukti Rasulullah s.a.w. bersembahyang 'Ashar betul-betul di awal waktunya ialah orang-orang yang pulang ke (kawasan) penghujung (pinggir) Madinah setelah selesai bersembahyang 'Ashar bersama Baginda s.a.w. masih mendapati matahari belum berubah atau masih panas dan cerah bersinar-sinar. (8) Rasulullah s.a.w. tidak kisah melewati

٥٠٩ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ يَعْنِي ابْنَ مُقَاتِلٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا خَالِدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ حَدَّثَنِي غَالِبُ الْقَطَّانُ عَنْ بَكْرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْمُزَنِيِّ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كُنَّا إِذَا صَلَّيْنَا خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالظُّهَائِرِ فَسَجَدْنَا عَلَى ثِيَابِنَا اتِّقَاءَ الْحَرِّ

509- Muhammad iaitu Ibnu Muqatil meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah (bin al-Mubaarak al-Hanzali al-Marwazi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid bin `Abdir Rahman (bin Bukair as-Sulami al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: Ghalib (bin Khatthaab) al-Qatthaan meriwayatkan kepada saya daripada Bakr bin `Abdillah al-Muzani daripada Anas bin Malik, katanya: “Ketika bersembahyang Zohor di belakang Rasulullah s.a.w., kami bersujud di atas kain-kain kami (berupa khumrah, sejadah atau lain-lain) untuk mengelakkan kepanasan (lantai tempat sujud).”<sup>938</sup>

#### بَابُ تَأْخِيرِ الظُّهْرِ إِلَى الْعَصْرِ

#### 94- Bab Melewatkan Zohor Sehingga Ke `Ashar.<sup>939</sup>

sembahyang `Isyaa' hingga ke satu pertiga awal malam atau ke separuh akhir malam. Kerana bersembahyang `Isyaa' pada waktu itu juga bererti bersembahyang pada waktunya yang mukhtar (terpilih / istimewa). (9) Sikap cermat dalam meriwayatkan hadits adalah antara ciri istimewa perawi-perawi hadits yang terpilih. (10) Tidak mengapa menyatakan tidak ingat mana-mana bahagian hadits ketika menyampaikannya.

<sup>938</sup> Hadits ini juga menunjukkan Rasulullah s.a.w. bersembahyang Zohor di awal waktunya, ketika panas sangat terik. Kerana terlalu panas pada ketika itu para sahabat melapikkan sesuatu seperti sejadah dan lain-lain di tempat sujud mereka. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Rasulullah s.a.w. selalu juga bersembahyang Zohor di awal waktunya, ketika panas sangat terik. (2) Keharusan menggunakan pelapik seperti sejadah ketika bersembahyang. Sama ada untuk menghindari kepanasan lantai atau untuk berada dalam keadaan lebih bersih dsb. (3) Cerita Anas ini boleh jadi tentang peristiwa sembahyang sebelum mereka mendapat perintah supaya bersembahyang pada waktu cuaca sudah agak sejuk. (4) Boleh jadi juga peristiwa yang disebut Anas ini berlaku selepas perintah itu. Nabi s.a.w. sengaja mengerjakan sembahyang pada waktu panas terik seperti yang digambarkan Anas di dalam hadits di atas, dengan tujuan memberitahu kepada semua bahawa bersembahyang pada waktu itu juga diharuskan, walaupun kurang afdhal. (5) Keharusan menanggung sedikit kesusahan demi menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul. **Selain Bukhari, hadits ini** diriwayatkan juga oleh Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain.

<sup>939</sup> Apa pula tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini? Para pensyarah Sahih Bukhari berbeza pendapat tentangnya. Berikut dikemukakan beberapa daripadanya: (1) Kebanyakan mereka berpendapat, oleh kerana hadits-hadits yang menyebutkan tentang akhir waktu Zohor ialah apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya atau apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya tidak menepati syarat beliau, Bukhari tidak

menjadikannya sebagai penentu dalam masalah ini. Beliau sebaliknya hanya berkata, waktu Zohor itu berpanjangan hingga ke waktu 'Ashar. (2) Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi, Syeikh Zakariya berpendapat, tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menolak pendapat golongan yang mengatakan ada waktu musytarak (waktu yang dikongsi bersama oleh Zohor dan 'Ashar) dan waktu senggang atau waktu muhmal di antara waktu Zohor dan 'Ashar, iaitu waktu yang sepatutnya tidak dikerjakan sembahyang padanya kerana mendatangkan dosa, walaupun sembahyang seseorang pada waktu itu dikira sah juga. Bagi Bukhari, kalau waktu Zohor itu rapat sampai ke waktu 'Ashar, bagaimana pula akan ada waktu musytarak atau waktu muhmal? Hadits di bawah bab ini yang menunjukkan Rasulullah s.a.w. pernah bersembahyang jama' ketika berada di Madinah jelas membuktikan keharusan bersembahyang Zohor betul-betul di akhir waktunya dan bersembahyang 'Ashar betul-betul di awal waktunya. Jama' seperti ini dipanggil jama' Shuri. Sebabnya ialah Rasulullah s.a.w. cukup menjaga waktu-waktu sembahyang. Baginda s.a.w. tidak mengerjakan sembahyang kecuali pada waktunya, melainkan dalam keadaan bermusafir atau ada sebab-sebab yang lain. Hakikat ini dapat dilihat melalui hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud ini. Kata beliau: ما رأيْتُ رسولَ الله صلى الله عليه وسلم صلى صلاةً لغير ميعاتها إلا صلاتين جمعَ بين المغرب والعشاء بجمع وصلى الفجر يومئذ قبل ميعاتها Bermaksud: Tidak pernah ku lihat Rasulullah s.a.w. bersembahyang bukan pada waktunya, melainkan dua sembahyang. Baginda s.a.w. telah menjama'kan sembahyang Maghrib dan 'Isyaa' di Jam'in (Muzdalifah). Sembahyang Subuh pada hari itu Baginda s.a.w. kerjakan sebelum waktunya (yang biasa). (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Ahmad, Abu 'Awaanah, Abu Ya'la dan lain-lain). (3) Tajuk bab ini dibuat Bukhari sebagai ترجمة شارحة dengan tujuan menjelaskan maksud hadits di bawahnya yang mungkin menimbulkan kekeliruan. Di dalam hadits di bawah bab ini tersebut bahawa Nabi s.a.w. telah menjama' sembahyang Zohor dan 'Ashar dan seterusnya Maghrib dan 'Isyaa' ketika Baginda s.a.w. berada di Madinah. Ia boleh mengelirukan. Adakah Nabi s.a.w. telah menjama' taqdim atau ta'khir. Imam Bukhari menjelaskan jama' yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. itu bukannya jama' haqiqi (menjama'kan dua sembahyang dalam waktu salah satu daripadanya), tetapi sebaliknya jama' shuri. Jama' shuri ialah jama' pada lahirnya sahaja. Pada hakikatnya setiap daripada dua sembahyang itu dikerjakan pada waktu masing-masing. Zohor dikerjakan betul-betul di akhir waktunya. 'Ashar pula dikerjakan betul-betul di awal waktunya. Begitu juga dengan Maghrib dan 'Isyaa'. Ini adalah pendapat Syah Waliyyullah. (4) Sebelum ini Imam Bukhari telah membuat bab untuk menyatakan permulaan waktu Zohor. Permulaan waktunya amat jelas iaitu apabila matahari tergelincir. Oleh kerana para 'ulama' berbeza pendapat tentang penghujung waktu Zohor, ada yang berpendapat ia berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya dan ada pula yang berpendapat ia baru berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Bagi Bukhari kedua-dua pendapat itu mempunyai alasan tersendiri dan masing-masing daripadanya agak kuat. Kerana itu beliau tidak mahu menyebelahi mana-mana pihak. Imam Bukhari hanya menyatakan pendiriannya secara umum sahaja, bahawa waktu Zohor itu berpanjangan sehingga ke waktu 'Ashar. (5) Bagi penulis, tajuk bab yang dibuat oleh Bukhari ini jelas menunjukkan waktu Zohor juga sama seperti waktu-waktu sembahyang yang lain, ada penghujungnya. Itulah maksud perkataan إلى di dalamnya. Tetapi hadits yang dikemukakan oleh beliau di bawah tajuk bab ini pula menyatakan Baginda s.a.w. telah menjama' sembahyang Zohor dan 'Ashar dalam waktu salah satu daripadanya, serta Maghrib dan 'Isyaa' juga dalam waktu salah satu daripadanya ketika tidak bermusafir, malah ketika berada di Madinah. Ia pada zahirnya kelihatan tidak sesuai dengan tajuk bab. Tajuk bab hanya menyatakan keharusan melewati sembahyang Zohor hingga ke waktu 'Ashar. Ertinya ialah sebelum lagi masuk waktu 'Ashar. Hadits di bawah tajuk bab pula menyatakan sembahyang-sembahyang yang dijama' oleh Rasulullah s.a.w. Tidak jelas dalam waktu sembahyang yang mana sebenarnya. Adakah itu jama' taqdim atau jama' ta'khir? Jika diteliti

dengan saksama, akan terserlah kepada anda maksud Bukhari. Bagi penulis, maksud Bukhari di sini ialah menyatakan bahawa jama' yang dikerjakan oleh Rasulullah dalam peristiwa yang dikemukakan oleh Ibnu 'Abbaas di bawah tajuk bab ini ialah jama' ta'khir. Buktinya ialah adanya perkataan إلى di dalam tajuk babnya. Cuma selepas perkataan إلى itu semestinya ditaqdirkan satu perkataan sahaja, iaitu perkataan دخول sebagai مضاف yang dibuang (محذوف). Maka tajuk bab yang dibuat Bukhari itu selepas ditaqdirkan, akan jadi begini saja: باب تأخير الظهر إلى دخول العصر. Lalu dapatlah pula kita katakan seterusnya وتأخير المغرب إلى دخول العشاء. Dengan ini jadi sesuailah tajuk bab dengan hadits di bawahnya. Soal bagaimana Bukhari dapat menentukan bahawa jama' yang dikerjakan oleh Rasulullah itu adalah jama' ta'khir? Jawab al-Kirmaani: "Boleh jadi beliau mengetahuinya melalui hadits ini menerusi saluran riwayat yang lain. Atau beliau sengaja meringkaskannya. Mungkin juga beliau memahaminya melalui siyaq (jalanan cerita) hadits itu. Pada pendapat penulis, Bukhari telah mengetahuinya menerusi beberapa riwayat Ibnu 'Abbaas yang lain. Antaranya ialah dua riwayat berikut ini: (a) أَخْبَرَنِي أَبُو عَاصِمٍ خُشَيْشُ بْنُ أَصْرَمَ قَالَ حَدَّثَنَا حَبِيبُ بْنُ هَالَلٍ حَدَّثَنَا حَبِيبٌ وَهُوَ ابْنُ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ عَمْرِو بْنِ هَرَمٍ عَنْ جَابِرِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ صَلَّى بِالْبَصْرَةِ الْأُولَى وَالْعَصْرَ لَيْسَ بَيْنَهُمَا شَيْءٌ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ لَيْسَ بَيْنَهُمَا شَيْءٌ فَعَلَ ذَلِكَ مِنْ شُغْلٍ وَرَزَعَمَ ابْنُ عَبَّاسٍ أَنَّهُ صَلَّى مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ الْأُولَى وَالْعَصْرَ ثُمَّانِ سَجَدَاتٍ لَيْسَ بَيْنَهُمَا شَيْءٌ Bermaksud: Ibnu 'Abbaas pernah bersembahyang Zohor dan 'Ashar (sebagai jama') di Bashrah dengan tidak mengerjakan apa-apa sembahyang sunat di antara keduanya. Maghrib dan 'Isyaa' juga dijama' beliau dengan tidak mengerjakan apa-apa sembahyang sunat di antara keduanya. Beliau melakukan jama' kerana sesuatu kesibukan yang dialaminya. Kata Ibnu 'Abbaas: "Sesungguhnya beliau (sendiri) pernah mengerjakan sembahyang yang pertama (Zohor) dan 'Ashar bersama Rasulullah s.a.w. di Madinah sebanyak lapan raka'at tanpa mengerjakan apa-apa sembahyang sunat di antara keduanya. (Hadits riwayat an-Nasaa'i). (b) وَحَدَّثَنِي أَبُو الرَّبِيعِ الزُّهْرَانِيُّ حَدَّثَنَا حَمَّادٌ عَنْ الزُّبَيْرِ بْنِ الْخَرِيتِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَقِيقٍ قَالَ خَطَبَنَا ابْنُ عَبَّاسٍ يَوْمًا بَعْدَ الْعَصْرِ حَتَّى غَرَبَتِ الشَّمْسُ وَبَدَتْ النُّجُومُ وَجَعَلَ النَّاسُ يَقُولُونَ الصَّلَاةُ الصَّلَاةُ قَالَ فَجَاءَهُ رَجُلٌ مِنْ بَنِي تَمِيمٍ لَا يَفْقَرُ وَلَا يَنْتَبِي الصَّلَاةَ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ أَعْلَمْتَنِي بِالسُّنَّةِ لَا أَمْ لَكَ ثُمَّ قَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَمَعَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ شَقِيقٍ فَحَاكَ فِي صَدْرِي مِنْ ذَلِكَ شَيْءٌ فَأَتَيْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ فَسَأَلْتُهُ فَصَدَّقَ مَقَالَتَهُ Bermaksud: Kata 'Abdullah bin Syaqq: "Pernah pada suatu hari sesudah 'Ashar, Ibnu 'Abbaas berucap di hadapan kami sehingga terbenam matahari dan bintang-bintang mulai kelihatan. Orang ramai mula berteriak mengatakan: "Sembahyang! Sembahyang!" Malah seorang lelaki Bani Tamim terus tampail ke hadapannya lalu berkata: "Sembahyang! Sembahyang!" Kata Ibnu 'Abbaas: "Apakah engkau hendak mengajarku tentang Sunnah Nabi? Teruk betul engkau kalau begitu! Kemudian beliau berkata: "Aku pernah melihat Rasulullah s.a.w. menjama'kan sembahyang Zohor dengan 'Ashar dan Maghrib dengan 'Isyaa'. Kata 'Abdullah bin Syaqq: "Sedikit keraguan timbul di dalam hatiku. Kerananya aku pergi bertanya kepada Abu Hurairah." Oleh Abu Hurairah dibenarkannya kata-kata Ibnu 'Abbaas itu." (Hadits riwayat Muslim). (6) Di samping menghormati dan menerima semua pendapat yang telah diberikan itu, penulis berpendapat Imam Bukhari masih tidak berpuas hati dalam usahanya mengadili dan mengimbangi kekesalan dan kemarahan Anas r.a. terhadap perbuatan sesetengah pemimpin Bani Umaiyyah yang melewati-lewatkan sembahyang, dengan alasan yang dipegang pemimpin Bani Umaiyyah itu sendiri dalam soal ini. Kerana orang mungkin berkata, kalaulah pemimpin Bani Umaiyyah itu bersembahyang agak lewat ketika cuaca terlalu panas, tentulah Anas bin Malik r.a. dapat memahaminya dan mema'fkannya. Anas tentunya mengetahui sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi: إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ فَأَبْرُوا عَنْ الصَّلَاةِ فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فِتْنٍ جَهَنَّمَ Bermaksud: "Apabila kuat sangat panas, maka kerjakanlah sembahyang setelah agak sejuk. Kerana panas yang kuat sangat itu berpunca daripada hembusan neraka Jahannam." Sudah tentulah kemarahan Anas itu didorong oleh kesedaran dan pengetahuan beliau tentang perbuatan sesetengah pemimpin Bani Umaiyyah yang sengaja mengabaikan dan melewati-lewatkan sembahyang tanpa sebarang sebab yang wajar! Imam Bukhari seolah-olahnya bertanya di sini, bagaimana dengan perbuatan Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbaas di dalam hadits yang dikemukakan oleh beliau di bawah bab ini? Bukankah Rasulullah

٥١٠ - حَدَّثَنَا أَبُو النُّعْمَانِ قَالَ حَدَّثَنَا حَمَّادُ هُوَ ابْنُ زَيْدٍ عَنْ عَمْرِو بْنِ دِينَارٍ عَنْ جَابِرِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِالْمَدِينَةِ سَبْعًا وَثَمَانِيًا الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ فَقَالَ أَيُّوبُ لَعَلَّهُ فِي لَيْلَةٍ مَطِيرَةٌ قَالَ عَسَى 510- Abu an-Nu'maan meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammaad - dia adalah Ibnu Zaid - meriwayatkan kepada kami daripada 'Amar bin Dinar daripada Jaabir bin Zaid (Abu asy-Sya'tsaa') daripada Ibnu 'Abbas, bahawa Nabi s.a.w. pernah bersembahyang di Madinah tujuh (raka'at) dan lapan (raka'at). Zohor, 'Ashar, Maghrib dan 'Isyaa'. Maka Ayyub (as-Sakhtiyani) berkata (kepada Jaabir): "Boleh jadi ia dilakukan (Nabi s.a.w.) pada malam (dan siang yang) hujan." Jawabnya: "Boleh jadi."<sup>940</sup>

s.a.w. juga pernah melewati sembahyang Zohor sehingga ke penghujung waktunya, menurut orang-orang yang berpendapat Baginda sebenarnya telah melakukan jama' shuri? Bukankah Rasulullah s.a.w. juga pernah melewati sembahyang Zohor dengan menjama'nya dengan 'Ashar dalam waktu 'Ashar atau sebaliknya dan menjama'kan Maghrib dan 'Isyaa' dalam waktu 'Isyaa' atau sebaliknya, menurut orang-orang yang mengatakan Baginda sebenarnya telah melakukan jama' haqiqi bukan jama' shuri? Semua ini dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. secara berjema'ah dengan para sahabatnya ketika tidak bermusafir, tidak sakit, tidak hujan dan tidak dalam ketakutan perang. Malah Baginda s.a.w. dan para sahabatnya pada ketika itu berada di Madinah dalam keadaan aman tenteram. Bukhari berpendapat, dalam keadaan ada sesuatu keperluan, tidak salah seseorang menjama'kan sembahyang, sama ada dalam bentuk shuri atau haqiqi. Walaupun ia berada di tempat sendiri dan tidak dalam keadaan bermusafir sekalipun. Dengan syarat ia tidak dijadikan sebagai suatu kebiasaan. Kalau begitu, tidaklah patut perbuatan sesetengah pemimpin kerajaan Bani Umaiyah yang kadang-kadang melewati sembahyang kerana sesuatu sebab itu dikecam, dicerca dan dijadikan sebagai bahan momokan di kalangan umat sehingga menimbulkan kebencian dan dendam kesumat terhadap mereka.

<sup>940</sup> Hadits Ibnu 'Abbaas ini telah diriwayatkan oleh Sa'id bin Jubair dengan lebih jelas dan terperinci. Imam at-Tirmizi mengemukakanannya di bawah satu bab yang diadakannya berbunyi: باب حَدَّثَنَا هَذَا حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ حَبِيبِ بْنِ أَبِي ثَابِتٍ (Bab hadits-hadits tentang menjama'kan dua sembahyang pada ketika tidak bermusafir). Berikut adalah haditsnya: عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ جَمَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَبَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِالْمَدِينَةِ مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا مَطَرٍ قَالَ قَتِيبُ بْنُ عَبَّاسٍ مَا أَرَادَ بِذَلِكَ قَالَ أَرَادَ أَنْ لَا يُخْرِجَ أُمَّتَهُ Bermaksud: Kata Ibnu 'Abbaas: "Rasulullah s.a.w. pernah menjama'kan sembahyang Zohor dengan 'Ashar dan Maghrib dengan 'Isyaa' di Madinah dalam keadaan tidak ada sebarang ketakutan dan hujan. Kata perawi: Maka Ibnu 'Abbaas ditanya, apa tujuan Baginda s.a.w. berbuat begitu? Jawab beliau: "Tujuannya ialah supaya tidak menyusahkan umatnya." Selain Tirmizi, hadits ini diriwayatkan juga oleh Muslim, Abu Daud, Nasaa'i dan lain-lain. Kemusykilan Ayyub di dalam hadits di atas telah terjawab dengan hadits Tirmizi ini. Tujuan Rasulullah menjama' sembahyang ketika tidak ke mana-mana dan tidak ada sebarang ketakutan juga terjawab dengan hadits ini. Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Baarinya menulis: وقد ذهب جماعة من الأئمة إلى الأخذ بظاهر هذا الحديث فجوزوا الجمع في الحضر للحاجة مطلقاً لكن بشرط أن لا يتخذ ذلك عادة وممن قال به ابن سيرين وربيعه وأشهب وابن المنذر والقفال الكبير وحكاه الخطابي عن جماعة من أصحاب الحديث Bermaksud: Sekumpulan imam berpegang dengan zahir hadits ini. Kerananya mereka mengharuskan jama' ketika berada di tempat sendiri (tidak bermusafir) kerana apa saja hajat (keperluan). Tetapi dengan syarat ia tidak dijadikan sebagai suatu kebiasaan. Antara tokoh yang berpendapat begitu ialah Ibnu Sirin, Rabi'ah, Asyhab, Ibnu al-Munzir dan al-Qaffaal al-Kabir. Khatthaabi juga ada menyebutkan sekumpulan Ahlul Hadits yang berpendapat demikian." Imam